



Headline: Rugi lebih RM1.9 juta di Tawau  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 20 November 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 12

## **Rugi lebih RM1.9 juta di Tawau**

TAWAU - Polis Tawau membuka 18 kertas siasatan membabitkan kerugian lebih RM1.9 juta membabitkan sindiket penipuan Macau Scam bagi tempoh Januari sehingga Oktober tahun ini.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Peter Umbas berkata, polis turut menerima 83 aduan sindiket itu tetapi tidak disiasat ekoran tidak membabitkan kerugian selain pengadu tidak mahu siasatan polis.

Beliau turut mengingatkan masyarakat agar tidak mudah terpedaya dengan sindiket penipuan melalui panggilan telefon dengan kejadian terbaru pada Jumaat lepas apabila seorang wartawan di daerah ini nyaris diperdaya sindiket yang menyamar sebagai kakitangan Telekom Malaysia (TM) dan polis.

**SINDIKET  
MACAU SCAM**

Katanya, penymar itu turut meminta data peribadi termasuk akaun bank selain meminta mangsa untuk tidak mendedahkan perkara itu kepada sesiapa kerana sulit.

“Susulan ragu dengan tindakan suspek itu, mangsa kemudian membuat laporan polis ekoran kkuatir data peribadi disalah guna oleh pihak tidak bertanggungjawab.

“Mereka (sindiket) itu cuba memperdayakan mangsa dengan pelbagai versi cerita membabitkan pelbagai kesalahan,” katanya kepada pemberita selepas program Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau di sini semalam

Pada program itu, seramai 46 anggota polis menerima surat penghargaan atas komitmen kerja yang baik. - *Bernama*



Peter (dua dari kanan) memeriksa kawalan kehormat sempena majlis perhimpunan bulanan di Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau semalam.